

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN

: BERTULIS

DARIPADA

: YB. DATUK JUSLIE BIN AJIROL

KAWASAN

: LIBARAN

NO. SOALAN

: 175

YB. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan faktor-faktor Malaysia mencatatkan lebihan dagangan sebanyak RM83.11 bilion pada tahun 2014, iaitu lebihan dagangan untuk tahun ke -17 berturut-turut sejak 1997.

JAWAPAN

Faktor-faktor yang menyumbang kepada Malaysia mencatatkan lebihan dagangan sebanyak RM83.11 bilion pada tahun 2014 adalah:

- Peningkatan eksport yang berterusan ke rantau ASEAN sebanyak 5.9 peratus kepada RM213.6 bilion terutamanya ke Singapura (RM108.8 bilion), Thailand (RM40.3 bilion), Viet Nam (RM14.3 bilion) dan Filipina (RM12.1 bilion).

- Peningkatan eksport sebanyak 9.5 peratus ke negara-negara Kesatuan Eropah (EU) bagi produk elektrik dan elektronik; minyak sawit; kimia dan produk kimia; barangan optik dan saintifik; dan jentera, perkakasan dan peralatan pada tahun 2014.
- Peningkatan eksport ke India bagi produk minyak sawit; petroleum mentah; dan kimia dan produk kimia sebanyak 23.9 peratus atau RM6.2 bilion menjadikan nilai eksport ke negara tersebut sebanyak RM31.9 bilion pada tahun 2014.
- Pemulihan permintaan dari ekonomi maju khususnya Amerika Syarikat dengan peningkatan eksport sebanyak 11 peratus kepada RM64.4 bilion dan Jepun yang meningkat sebanyak 4.4 peratus kepada RM82.7 bilion. Permintaan dari negara China juga meningkat kepada RM92.4 bilion pada tahun 2014.
- Permintaan dari pasaran baharu di benua Afrika juga adalah menggalakkan bagi produk petroleum; minyak sawit; kimia dan produk kimia; elektrik dan elektronik; dan makanan yang diproses dengan peningkatan sebanyak 11 peratus kepada RM19.5 bilion berbanding dengan RM17.5 bilion pada tahun 2013. Program-program promosi perdagangan dan pelaburan yang dilaksanakan oleh Kementerian ini telah berjaya membantu meningkatkan eksport ke benua Afrika.
- Peningkatan eksport produk-produk yang berkualiti dan mempunyai daya saing tinggi di pasaran eksport terutamanya litar bersepadu elektronik serta komponen dan alat ganti produk elektrik dan elektronik.

- Peningkatan aktiviti-aktiviti promosi eksport yang dilaksanakan oleh MITI dan agensinya iaitu MATRADE ke pasaran-pasaran utama seperti di negara-negara ASEAN, Eropah, Amerika Syarikat, China dan India.
- Peningkatan aktiviti-aktiviti promosi pelaburan yang dijalankan oleh MIDA telah berjaya menarik pelaburan syarikat-syarikat multinasional (MNC) yang berorientasi eksport untuk beroperasi di Malaysia.